

## **Perumahan – Part 2(2014):**

### **Utusan Malaysia:**

#### **Tukar polisi lapuk perumahan**

06 November 2014 2:46 AM

KUALA LUMPUR 5 Nov. – Kerajaan negeri digesa supaya menukar polisi lapuk berkaitan dengan sektor perumahan agar rumah mampu milik dapat dibina sebagaimana diperlukan oleh rakyat. Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, setiap kerajaan negeri perlu tampil dengan polisi yang lebih terbuka dan inklusif agar rakyat yang kurang berkemampuan dapat memiliki rumah sendiri.

Katanya, dalam soal industri perumahan terutama rumah mampu milik, banyak kekangan yang berlaku datangnya daripada polisi kerajaan negeri, bukannya dasar kerajaan Pusat. “Malangnya kerajaan Pusat tidak dapat menentukan semua polisi kerajaan negeri. Anda yang buat pilihan (memilih kerajaan negeri) makanya, perlulah hidup dengan sistem ini,” katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap merasmikan Wisma Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan (Rehda) di Kelana Jaya dekat sini malam ini. Yang turut hadir Menteri Tenaga, Air dan Teknologi Hijau, Datuk Seri Dr. Maximus Ongkili dan Presiden Rehda, Datuk Seri Fateh Iskandar Mohamed Mansor.

Sebelum ini, beberapa pihak tampil mengkritik kerajaan DAP Pulau Pinang kerana didakwa cuba menjadi batu penghalang kepada projek perumahan rakyat yang hendak dibangunkan di negeri itu. Antara projek yang berdepan dengan masalah tersebut ialah projek perumahan di Taman Manggis apabila kerajaan DAP Pulau Pinang didakwa enggan meluluskan pelan pembangunan.

Dalam pada itu, Najib turut menggesa pemaju perumahan agar memainkan peranan bersama-sama dengan kerajaan supaya hasrat untuk memastikan seluruh rakyat memiliki rumah tercapai. Katanya, dalam memastikan rakyat memiliki rumah, pemaju perumahan tidak boleh hanya melihat kepada aspek keuntungan semata-mata tetapi perlu menitik berat tanggungjawab sosial.

<http://www.utusan.com.my/berita/nasional/tukar-polisi-lapuk-perumahan-1.21352>

#### **Perluas Skim Perumahan Belia**

OLEH MOHD. FAUZI MOHAMAD SUHAIMI PENGARANG@UTUSAN.COM.MY | 13 Oktober 2014 2:19 AM

KUALA LUMPUR 12 Okt. - Kerajaan diminta untuk memperluaskan serta menilai kembali harga maksimum pembelian rumah menerusi Skim Perumahan Belia yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dalam pembentangan Bajet 2015 Jumaat lalu.

Penyelia Program Persatuan Belia Satu Generasi, Kamarulbashah Hussin berkata, kadar yang ditetapkan itu dilihat tidak mampu memenuhi keperluan rumah mampu milik khususnya

[www.innovacia.com.my](http://www.innovacia.com.my)  
[info@innovacia.com.my](mailto:info@innovacia.com.my)

Experience Innovation. Outsource it to us.

membabitkan golongan belia di negara ini. "Sekiranya kerajaan hanya memperkenalkan sebanyak 200,000 unit rumah, sudah pasti ia tidak dapat menampung kesemua belia di negara ini. "Malah, dengan penawaran harga rumah sehingga mencecah RM500,000 sebenarnya terlalu mahal dan hanya golongan belia yang berkemampuan dapat memilikinya," katanya ketika dihubungi Utusan Malaysia di sini hari ini.

Najib semasa membentangkan Bajet 2015 mengumumkan penubuhan Skim Perumahan Belia secara perkongsian pintar di antara kerajaan, Bank Simpanan Nasional, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Cagamas. Skim tersebut menawarkan pemilikan rumah pertama yang bernilai tidak melebihi RM500,000 kepada belia berkahwin berumur 25 hingga 40 tahun serta mempunyai pendapatan isi rumah tidak melebihi RM10,000 sebulan.

Dalam pada itu, Kamarulbashah berkata, kerajaan perlu mengkaji kos pembangunan yang melibatkan bahan-bahan pembinaan bagi seunit rumah sebelum menentukan sesuatu dasar atau skim dilaksanakan. "Kajian terhadap kos bahan pembinaan rumah perlu dilakukan oleh pihak berkenaan bagi mengelakkan sebarang penipuan daripada pembekal khususnya dalam menyediakan rumah mampu milik kepada rakyat," katanya.

Sementara itu, Presiden Lembaga Pelindung dan Kebajikan Pengguna Malaysia, Prof. Datuk Seri Dr. Saharuddin Awang Yahya (gambar) menyifatkan usaha melaksanakan skim tersebut merupakan langkah proaktif kerajaan dalam membantu golongan muda memiliki rumah sendiri. "Tetapi kerajaan perlu melaksanakan skim ini secara berterusan dan tidak tertumpu kepada 200,000 unit ini sahaja. "Saya berharap agar pelaksanaan skim ini merupakan peringkat permulaan dan akan dilaksanakan pada masa hadapan," katanya.

<http://www.utusan.com.my/berita/nasional/perluas-skim-perumahan-belia-1.13006>

## **Perumahan khas belia dirancang**

OLEH AHMAD SHAZWAN MD. YUSOF PENGARANG@UTUSAN.COM.MY | 03 Oktober 2014 2:31 AM

KUALA LUMPUR 2 Okt. - Kementerian Belia dan Sukan merancang mewujudkan beberapa bandar di kawasan pinggir ibu kota khas bagi golongan belia dalam usaha membantu mereka menghadapi kos sara hidup yang kian meningkat.

Menterinya, Khairy Jamaluddin berkata, kementerian serius dalam usaha membantu belia menghadapi isu kos sara hidup tinggi dan telah mengemukakan cadangan pembinaan perumahan atau bandar raya khas untuk golongan tersebut. "Kementerian telah mengemukakan beberapa cadangan untuk Bajet 2015 yang akan dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada 10 Oktober ini. Antaranya mewujudkan bandar-bandar belia menerusi projek perumahan khusus untuk mereka dan memohon peruntukan bagi program-program pembangunan sukan. "Pembinaan bandar belia di kawasan pinggir bandar diharap dapat membantu golongan tersebut memiliki atau menyewa rumah pada kadar yang rendah, sekali gus membantu mereka menghadapi isu kos sara hidup yang kian meningkat," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan pelancaran dan pengumuman liga badminton profesional pertama negara, Liga Purple Kopiko di sini hari ini. Yang turut hadir Presiden Persatuan Badminton Malaysia (BAM), Tan Sri Tengku Mahaleel Tengku Ariff; Pengerusi Institut Sukan Negara (ISN), Datuk Mohamad Norza Zakaria; Pengasas Liga Purple Kopiko, Datuk Jack Koh dan Pengurus Negara Kumpulan Inbisco Marketing and Sales Sdn. Bhd. (Inbisco), Ng Kin Kok.

Menurut Khairy, untuk Bajet 2015, pihaknya memohon sokongan bagi program-program pembangunan sukan selepas prestasi hambar yang dipamerkan kontinjen negara pada dua temasya besar, Sukan Komanwel di Glasgow, Scotland dan Sukan Asia di Incheon, Korea Selatan yang kini masih berlangsung. Katanya, ada pihak yang mempersoalkan bajet diberikan untuk pembangunan sukan negara ekoran kegagalan atlet kebangsaan pada dua temasya tersebut. "Prestasi hambar di Glasgow dan Incheon merupakan isyarat jelas kepada kita bahawa sejarah kegemilangan Sukan Komanwel 1998 kini sudah berakhir. "Untuk itu, kita perlu memulakan semula pembangunan kecemerlangan baharu bagi melahirkan lebih ramai atlet berkelas dunia pada masa akan datang," jelasnya.

<http://www.utusan.com.my/berita/nasional/perumahan-khas-belia-dirancang-1.11539>

## **Penubuhan bank perumahan diteliti**

OLEH MAISARAH SHEIKH RAHIM PENGARANG@UTUSAN.COM.MY | 09 September 2014 2:56 AM

KUALA LUMPUR 8 Sept. - Bank atau institusi kewangan yang menyediakan pinjaman skim sewa beli perumahan amat wajar ditubuhkan khususnya dalam memberi kemudahan kepada rakyat untuk memiliki rumah kos sederhana atau rendah.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abdul Rahman Dahlan berkata, perkara tersebut telah pun dibincangkan di peringkat kementeriannya dan bakal dikemukakan ke Kabinet dalam masa terdekat. Kata beliau, kebanyakan pembeli daripada golongan sederhana dan rendah berdepan kesukaran mendapatkan pinjaman untuk memiliki rumah mampu milik kerana institusi kewangan sedia ada membuat penilaian berdasarkan jumlah pendapatan isu rumah. "Bank-bank sedia ada tidak begitu berminat untuk memberikan pinjaman kepada pembeli yang ingin memiliki rumah mampu milik kerana jumlah pendapatan mereka tidak menepati syarat.

"Oleh itu, kita amat mengalu-alukan cadangan kerajaan Johor dan kami di peringkat kementerian pernah mencadangkan perkara tersebut kerana pinjaman perumahan khusus untuk pemilikan rumah mampu milik masih tidak ada, namun kita akan bawa perkara ini ke peringkat Kabinet terlebih dahulu sekali gus mendapatkan pandangan Kementerian Kewangan dan Bank Negara," katanya kepada Utusan Malaysia di sini hari ini.

Semalam, Menteri Besar Johor, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin mengesyorkan supaya Kerajaan Pusat mewujudkan semula bank atau institusi kewangan yang menyediakan skim sewa beli berkenaan bagi memudahkan rakyat memiliki rumah. Menurut beliau, pembeli berdepan masalah sukar untuk mendapatkan pinjaman dan secara tidak langsung menjejaskan hasrat mereka untuk memiliki rumah yang telah disediakan oleh kerajaan negeri.

Dalam pada itu, Abdul Rahman berkata, ketelitian pihak bank untuk memberikan pinjaman perumahan ketika ini adalah berikutan arahan Bank Negara supaya diperketatkan syarat-syarat pinjaman bagi mengawal tahap hutang isi rumah yang begitu tinggi. Katanya, walau bagaimanapun, akses kepada permohonan pinjaman tidak disekat dan rakyat bebas untuk mendapatkan kemudahan itu mengikut terma dan syarat yang ditetapkan. "Sebenarnya rakyat tidak ada masalah untuk membuat pinjaman perumahan namun institusi-institusi kewangan ketika ini mengikut arahan yang dikeluarkan oleh Bank Negara agar pinjaman perumahan tidak diberikan sewenang-wenangnya," katanya.

<http://www.utusan.com.my/berita/nasional/penuhuan-bank-perumahan-diteliti-1.3695>

## Projek perumahan rakyat tertangguh

OLEH ANI AWANG UTUSANPENANG@UTUSAN.COM.MY | 10 September 2014 3:21 AM

BUTTERWORTH 9 Sept. - Kelewatan kerajaan DAP negeri ini memberi kelulusan kepada Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (Perda) menyebabkan banyak projek perumahan bagi keperluan rakyat tidak dapat dimajukan.

Pengerusi Perda, Datuk Shabudin Yahaya berkata, terdapat sekurang-kurangnya dua projek perumahan yang akan dibangunkan Perda iaitu di Teluk Kumbar (Balik Pulau) dan Bandar Baharu Pongsu Seribu di Pokok Sena, namun tidak dapat dilaksanakan berikutan masalah tersebut. Beliau berkata, projek berkenaan membabitkan pembinaan rumah mampu milik yang dibina bagi keperluan rakyat di negeri ini yang memerlukan rumah.

"Kita telah menunggu kelulusan merancang pembangunan kedua-dua projek itu sejak empat tahun lalu tetapi sampai sekarang tidak diluluskan oleh Ketua Menteri, Lim Guan Eng. "Projek pembangunan rumah yang dirancang oleh Perda bertujuan memberi ruang kepada rakyat berpendapatan rendah dan sederhana memiliki rumah sendiri, malangnya kerajaan negeri telah melengah-lengahkan kelulusannya," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Penyerahan Bantuan Usahawan Bimbingan Perda di pejabat Perda, di sini hari ini. Pada majlis itu, 40 usahawan menerima bantuan berjumlah RM250,000 daripada Perda. Shabudin berkata, tindakan ini menunjukkan kerajaan negeri bersikap memilih dengan hanya meluluskan projek pembinaan rumah bernilai tinggi kepada pemaju swasta sedangkan Perda membina rumah bagi kepentingan rakyat dan tidak mengaut keuntungan.

Menurut beliau, kerajaan negeri tidak wajar mengamalkan pendekatan keuntungan semata-mata sedangkan rakyat memerlukan rumah yang sesuai untuk mereka beli. "Kita dapati rakyat negeri ini terutama golongan berpendapatan rendah dan sederhana mampu membeli rumah berharga antara RM42,000 hingga RM200,000 berbanding dengan rumah yang dibina pemaju swasta sehingga mencecah jutaan ringgit," katanya.

Shabudin yang juga Ahli Parlimen Tasek Gelugor mendakwa, kerajaan negeri sendiri tidak membina rumah mampu milik bagi keperluan rakyat negeri ini sebaliknya kebanyakan rumah dibina oleh

swasta. "Kerajaan negeri sepatutnya memberi kerjasama dengan Perda kerana Perda membina rumah mampu milik untuk kesejahteraan rakyat," katanya.

<http://www.utusan.com.my/berita/nasional/projek-perumahan-rakyat-tertangguh-1.4096>

## Syor tubuh bank perumahan

OLEH MOHAMAD FAIZAL HASHIM PENGARANG@UTUSAN.COM.MY | 08 September 2014 2:05 AM



Mohamed Khaled Nordin melihat model rumah mampu milik sambil diperhatikan oleh Kamaruzzaman Abu Kassim (tiga dari kanan) pada majlis Pecah Tanah Rumah Mampu Milik di Bandar Dato' Onn di Johor Bahru, Johor, semalam. - UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI

JOHOR BAHRU 7 Sept. - Kerajaan Pusat diminta mewujudkan semula bank atau institusi kewangan yang menyediakan skim sewa beli berkesan bagi memudahkan rakyat memiliki rumah.

Menteri Besar, Datuk Seri Moha-med Khaled Nordin berkata, pembeli berdepan masalah sukar untuk mendapatkan pinjaman dan secara tidak langsung menjejaskan hasrat mereka untuk memiliki rumah yang telah disediakan oleh kerajaan negeri. "Kerajaan perlu memikirkan pendekatan sewa beli bagi rakyat yang ingin memiliki rumah dan untuk memastikan keberkesanan matlamat berkenaan, perlu diwujudkan bank atau institusi yang menyediakan skim sewa beli. "Dulu ada MBSB (Malaysia Building Society Berhad) tetapi atas sebab tertentu, perannya sedikit berubah. Bagaimanapun, kerajaan perlu kembalikan atau mewujudkan satu badan yang dapat menjayakan skim sewa beli bagi memudahkan rakyat membeli rumah," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyempurnakan majlis Pecah Tanah Rumah Mampu Milik Bandar Dato' Onn, di sini hari ini. Yang turut hadir Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Johor Corporation (JCorp), Datuk Kamaruzzaman Abu Kassim.

Mohamed Khaled berkata, JCorp menerusi anak syarikatnya Johor Land Bhd., akan membina sebanyak 8,000 unit rumah mampu milik dan kos rendah menjelang 2020 sebagai usaha menjayakan Dasar Perumahan Rakyat Johor. "Sebanyak 1,150 unit rumah mampu milik akan dibina di Bandar Dato' Onn di sini dalam tempoh lima tahun hingga 2017 membabitkan dua fasa dengan harga RM80,000. "Sasaran kerajaan negeri menjelang 2017/2018 adalah pembinaan 28,000 unit, tetapi mengikut kiraan yang dibuat sebanyak 37,000 unit akan siap menjelang tahun berkenaan," katanya.

Sementara itu, Mohamed Khaled turut mengumumkan bahawa kerajaan negeri berhasrat mengambil alih tanah bekas Kem Tebrau di sini seluas 154.59 hektar bagi membangunkan kawasan perumahan. Beliau berkata, pengambil-alihan yang akan dilakukan oleh JCorp itu bertujuan membina kawasan bercampur termasuk penyediaan rumah mampu milik, seterusnya menyelesaikan masalah setinggian di kawasan berhampiran. "Dahulunya tapak itu adalah tanah kem yang kemudian diswastakan. Hingga kini pihak berkenaan tidak menjalankan sebarang pembangunan. "Jadi, kerajaan tidak boleh biarkan keadaan ini berlarutan terlalu lama dan sebagai penyelesaian kerajaan negeri akan mengambil alih dan melantik JCorp bagi menjayakan pembangunan di kawasan berkenaan," katanya.

<http://www.utusan.com.my/berita/nasional/syor-tubuh-bank-perumahan-1.3483>

## Wujudkan Bank Perumahan

OLEH SHARAIMEI SHAIK AHMEDULLAH PENGARANG@UTUSAN.COM.MY | 19 September 2014 2:50 AM

PUTRAJAYA 18 Sept. - Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan bercadang menubuhkan sebuah Bank Perumahan khusus bagi membantu golongan berpendapatan rendah dan sederhana memiliki kediaman sendiri.

Menterinya, Datuk Abdul Rahman Dahlan berkata, kewujudan bank tersebut merupakan salah satu mekanisme baharu kerajaan bagi memberi pinjaman perumahan untuk pemohon rumah mampu milik terutamanya kos rendah dan sederhana rendah.

Beliau berkata, cadangan itu diambil selepas pihaknya mendapat maklum balas dan rungutan daripada orang ramai yang mengalami kesukaran untuk mendapatkan pinjaman perumahan daripada bank komersial. "Cadangan ini selari dengan pengwujudan Bank Perumahan yang dicadangkan oleh kerajaan negeri Johor baru-baru ini supaya bank ini secara khusus memproses pinjaman perumahan, dengan cara ini mereka akan lebih fokus dan tidak mengenakan syarat ketat seperti bank komersial. "Bagaimanapun, penubuhan bank ini hanya dikhususkan kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana kerana mereka membuat aduan tidak mendapat peluang mendapatkan pinjaman perumahan daripada bank komersial disebabkan syarat ketat oleh Bank Negara," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan Ke-68 di Bangunan Perdana Putra di sini hari ini. Mesyuarat dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin. Menurut Abdul Rahman, di samping cadangan itu, pihaknya juga mengkaji cadangan untuk membenarkan syarikat peminjam wang berlesen seperti syarikat insurans dan

koperasi yang berada di bawah kementeriannya untuk memberikan pinjaman perumahan tersebut kepada golongan terbabit.

Katanya, semua cadangan tersebut akan dibawa ke peringkat kementerian terlebih dahulu untuk perincian lebih lanjut sebelum dibawa ke Kabinet bagi mendapatkan kelulusan. Abdul Rahman berkata, buat masa ini pihaknya akan menunggu sehingga Bajet 2015 selesai dibentangkan pada 10 Oktober ini sebelum mengambil tindakan seterusnya. "Kita tunggu sehingga Bajet 2015 dibentangkan sebelum membuat keputusan bagaimanapun, keputusan yang akan diumumkan nanti boleh dibuat dengan cepat kerana syarikat pinjaman wang berlesen sudah ada cuma sekarang ini mereka hanya memberi pinjaman peribadi," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, mesyuarat tersebut juga bersetuju supaya nama jalan dan projek perumahan yang akan dibina hanya menggunakan istilah bahasa Melayu. Pada masa sama, katanya, semua pihak berkuasa tempatan (PBT) di seluruh negara juga telah dimaklumkan supaya menggunakan bahasa Melayu dalam menamakan taman dan lorong di kawasan masing-masing.

<http://www.utusan.com.my/berita/nasional/wujudkan-bank-perumahan-1.6343>

### **Konsep skim jaminan perumahan dikaji**

21 November 2014 2:24 AM

KUALA LUMPUR 20 Nov. – Skim jaminan perumahan seperti yang diamalkan di Korea Selatan boleh dipertimbangkan pelaksanaannya di negara ini bagi mengatasi isu projek perumahan terbengkalai. Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abdul Rahman Dahlan berkata, skim tersebut dilihat boleh menjadi alternatif kepada konsep bina kemudian jual.

Menurut beliau, pelaksanaan skim itu memerlukan rombakan besar-besaran terhadap industri perumahan di negara ini. "Saya telah meneliti perkara ini dan menghantar pegawai-pegawai ke Korea Selatan untuk mengkaji skim jaminan perumahan di negara tersebut. "Selain itu, saya akan membawa kertas cadangan berhubung skim berkenaan ke Kabinet," katanya ketika menggulung perbincangan Bajet 2015 peringkat jawatankuasa dalam sidang Dewan Rakyat hari ini.

<http://www.utusan.com.my/berita/parlimen/konsep-skim-jaminan-perumahan-dikaji-1.27299>

### **Pemaju perumahan jangan kejar keuntungan**

**Naikkan harga tidak munasabah boleh menyebabkan fenomena 'housing bubble' pada masa hadapan**

SHARAIMEI SHAIK AHMEDULLAH | 18 November 2014 2:07 AM

PUTRAJAYA 17 Nov. - p emaju perumahan diingatkan supaya tidak terlalu mengejar keuntungan berlebihan dengan mengambil kesempatan menaikkan harga rumah sehingga melambung tinggi.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abdul Rahman Dahlan berkata, sekiranya pemaju perumahan secara berterusan menaikkan harga rumah secara tidak munasabah, keadaan itu akan menyebabkan berlaku fenomena 'housing bubble' pada masa hadapan.

Katanya, fenomena itu berlaku apabila pasaran ti-dak mampu lagi menerima kenaikan secara melampau sehingga harga rumah jatuh mendadak. “Jika berlaku, harga rumah yang sa-ngat tinggi akan turun secara mendadak sehingga sukar untuk naik semula dan ketika itu bukan sahaja pemaju perumahan rugi, malah kerajaan serta rakyat turut terjejas. “Kita bukan minta supaya harga rumah diturunkan terus tetapi dinaikkan secara mampan dan dapat diterima oleh semua pihak,” ka-tanya dalam si-dang akhbar di pejabatnya di sini hari ini.

Selain itu, me-nurut Abdul Rahman, faktor penjualan harga tanah yang tinggi, harga bekalan bahan binaan yang mahal dan kos pemasangan utiliti oleh syarikat air, elektrik dan komunikasi juga penyumbang kepada kenaikan harga rumah. Beliau berkata, faktor sampingan itu menyebabkan harga tersebut diserap ke dalam harga rumah dan perlu ditanggung oleh pembeli. “Di luar negara apabila sesebuah projek perumahan baharu dibina, syarikat telekomunikasi, air dan sebagainya akan berlumba-lumba memasang fiber optik serta paip air kerana berpendapat mereka ini pelanggan di masa hadapan yang perlu dijaga tetapi di negara ini. “Situasinya berlainan kerana kita yang perlu membayar untuk sambungan terbabit sehingga ada seunit rumah dicaj sebanyak RM3,000 hingga RM4,000 untuk pemasangan,” katanya.

Dalam pada itu, mengulas kenya-taannya baru-baru ini bahawa kerajaan tiada kuasa untuk mengawal harga rumah yang ditentukan pasaran, jelasnya, kerajaan hanya mengawal rumah kos rendah dan sederhana rendah manakala rumah kos sederhana tinggi serta tinggi ditentukan oleh pasaran.

Beliau berkata, langkah membiarkan pasaran menentukan harga tersebut adalah bagi memastikan perkembangan ekonomi negara te-rus rancak serta industri perumahan tidak terjejas. “Keputusan ini dibuat kerana industri perumahan turut membabitkan sektor pekerjaan, antaranya penyedia bahan binaan, arkitek, kejuruteraan dan lain-lain yang kerajaan juga perlu melihat golongan tersebut. “Namun begitu, bagi tujuan mengawal harga rumah, kerajaan juga melakukan beberapa instrumen lain seperti mengenakan cukai keuntungan harta tanah yang tinggi dan mengehendkan pinjaman pembelian untuk rumah kedua, ketiga dan seterusnya,” katanya.

<http://www.utusan.com.my/berita/nasional/pemaju-perumahan-jangan-kejar-keuntungan-1.26104>

## Dasar perumahan negeri dirombak – Mohamad

13 November 2014 12:30 AM

SEREMBAN 12 Nov. – Kerajaan akan merombak dasar perumahan di negeri ini bagi membantu rakyat memiliki rumah yang lebih selesa pada harga yang berpatutan. Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan berkata, tindakan itu menyaksikan rakyat dapat hidup sejahtera sekali gus mengatasi masalah kenaikan harga rumah yang tidak mencerminkan keadaan sebenar.



Katanya lagi, konsep yang digunakan pakai melalui Dasar Perumahan Negara (DPN) adalah secara menyeluruh di mana penempatan perumahan mengikut tahap kos rendah, sederhana dan mahal (mengikut kawasan). "Apa yang dikaji oleh kerajaan negeri ialah melaksanakan dasar perumahan berkonsepkan setempat iaitu pemaju perlu membina kesemua konsep perumahan itu dalam satu kawasan untuk mengharmonikan kepelbagaian komuniti," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Exco di sini hari ini.

Tambah Mohamad, melalui konsep baharu itu kelak, pembinaan yang dibuat tidak lagi 'berpuak-puak', sebaliknya dalam satu kawasan atau setempat akan ada pelbagai bentuk perumahan. "Kerajaan telah mengambil kira faktor pembangunan tidak menyeluruh, di mana wujud kawasan pesat dan tidak pesat dalam konsep menyeluruh tadi," tegasnya. Justeru itu, katanya, kerajaan mengarahkan pihak berkuasa tempatan (PBT) menengguhkan sebarang permohonan pembinaan perumahan daripada pemaju sebelum dasar baharu itu dapat dilaksanakan.

Pada masa yang sama, Mohamad menjelaskan, kerajaan negeri akan mengadakan perbincangan bersama Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan (Rehda) untuk menjelaskan mekanisme dan pelaksanaan dasar baharu perumahan negeri itu. "Di bawah dasar yang dibuat itu kelak, kerajaan menetapkan kuota pemilikan bumiputera kepada 50 peratus. "Kerajaan negeri akan meminta pemaju membina rumah berharga RM75,000 ke bawah, RM150,000 ke bawah, RM250,000 ke bawah bagi memastikan orang ramai boleh memiliki rumah mengikut kemampuan," katanya.

<http://www.utusan.com.my/berita/wilayah/dasar-perumahan-negeri-dirombak-8211-mohamad-1.23888>

## **Pinjaman perumahan kakitangan awam dinaikkan**

11 Oktober 2014 2:26 AM

KUALA LUMPUR 10 Okt. - Kerajaan bersetuju menaikkan had kelayakan minimum pinjaman perumahan untuk penjawat awam daripada RM80,000 kepada RM120,000. Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, had kelayakan maksimum juga dinaikkan daripada RM450,000 kepada RM600,000. "Malah, wang proses pinjaman perumahan sebanyak RM100 dimansuhkan. Kedua-dua cadangan ini berkuat kuasa 1 Januari 2015," katanya ketika membentangkan Bajet 2015 di Dewan Rakyat hari ini.

Najib berkata, kerajaan juga komited untuk terus mempertingkatkan pembinaan Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) apabila sebanyak 10,639 unit rumah mendapat kelulusan untuk projek berkenaan. "Pada 2015, bagi membolehkan lebih ramai penjawat awam memiliki rumah, kerajaan bersetuju membina 5,380 unit rumah lagi iaitu di Putrajaya sebanyak 1,600 unit, Bukit Jalil (1,530); Papar, Sabah (1,290) dan Bukit Pinang, Kedah (960). "Di samping itu, kerajaan akan menambah baik PPA1M seperti menurunkan harga minimum rumah berkenaan yang kini RM150,000 kepada RM90,000 seunit dengan keluasan lantai minimum 850 kaki persegi. "Malah, kerajaan menaikkan syarat kelayakan pendapatan isi rumah daripada RM8,000 kepada RM10,000 serta menyediakan dana mudah cara sehingga 25 peratus daripada kos projek kepada pemaju yang menyertai skim PPA1M," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan juga menyediakan peruntukan RM500 juta untuk membaik pulih dan menyelenggara secara berperingkat kuarters tentera, polis, guru dan petugas kesihatan di seluruh negara. Beliau berkata, sebanyak RM105 juta pula diperuntukkan kepada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi penyelenggaraan kuarters kerajaan di bawah program My Beautiful Malaysia membabitkan 126 lokasi.

<http://www.utusan.com.my/berita/nasional/pinjaman-perumahan-kakitangan-awam-dinaikkan-1.12485>

## Kaji semula Skim Perumahan Belia

OLEH MOHAMMAD AL FAIZAL ABDUL KARIM PENGARANG@UTUSAN.COM.MY | 12 Oktober 2014  
1:56 AM

KUALA LUMPUR 11 Okt. - Kerajaan digesa mengkaji semula kesesuaian nilai harga maksimum rumah yang diumumkan menerusi Skim Perumahan Belia dalam Bajet 2015 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak semalam. Ini kerana, harga maksimum RM500,000 bagi rumah pertama yang ditetapkan itu akan menyebabkan harga rumah semakin meningkat dan menyukarkan golongan muda untuk membeli kediaman.

Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Wilayah Persekutuan, Mohd. Razlan Muhammad Rafii berkata, harga siling yang ditetapkan menerusi skim pemilikan rumah pertama tidak melebihi RM500,000 itu disifatkan sebagai terlalu tinggi dan tidak mampu dimiliki khususnya golongan belia yang berpendapatan sederhana. "Kita bimbang jika harga siling itu ditetapkan tidak melebihi RM500,000, segelintir pemaju akan mengambil kesempatan meletakkan harga rumah sehingga ke tahap itu. Sudah pasti belia yang ingin memiliki rumah pertama tidak mampu membeli rumah pada harga semaksimum itu. "Sebagai contoh, individu yang berpendapatan RM5,000 hanya mampu membeli rumah maksimum berharga RM280,000. Golongan ini meliputi 40 peratus dalam masyarakat. Untuk itu kerajaan digesa memikirkan langkah terbaik menangani kegiatan manipulasi harga rumah yang ditetapkan pada harga RM500,000," katanya kepada Mingguan Malaysia di sini hari ini.

Dalam pembentangan Bajet 2015 semalam, Perdana Menteri mengumumkan penubuhan Skim Perumahan Belia secara perkongsian pintar di antara kerajaan, Bank Simpanan Nasional, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Cagamas. Skim ini menawarkan pemilikan rumah pertama yang bernilai tidak melebihi RM500,000 kepada belia berkahwin berumur 25 hingga 40 tahun serta mempunyai pendapatan isi rumah tidak melebihi RM10,000.

Dalam pada itu, Mohd. Razlan turut mencadangkan kerajaan dapat melaksanakan satu mekanisme untuk menstabilkan harga yang tidak berasaskan keuntungan. "Isu tanah di Kuala Lumpur memainkan peranan amat penting, kalau kerajaan ada projek untuk dibangunkan, diharapkan ia dapat dipertanggungjawabkan kepada agensi-agensi yang tidak berasaskan keuntungan seperti unit koperasi, UDA Holdings Bhd. (UDA) dan lain-lain. "Ini bagi memastikan apabila rumah itu dijual nanti, harga ditawarkan adalah relevan dengan pendapatan isi rumah semua golongan dalam masyarakat," katanya.

<http://www.utusan.com.my/berita/nasional/kaji-semula-skim-perumahan-belia-1.12519>

## Gubal Akta Kawalan Harga Perumahan

OLEH ASSIM HASSAN UTUSANSARAWAK@UTUSAN.COM.MY | 02 Oktober 2014 2:32 AM

KOTA KINABALU 1 Okt. - Kerajaan digesa mewujudkan Akta Kawalan Harga Perumahan bagi membantu mengatasi masalah harga rumah yang melambung tinggi di bandar-bandar besar termasuk di bandar raya ini. Gesaan itu dibuat Pembantu Menteri Kewangan negeri, Datuk Ramlee Marhaban dan menyifatkan sudah tiba masanya akta tersebut digubal bagi membantu rakyat yang tertekan akibat 'senario' harga rumah itu.

Tegas beliau, dengan adanya akta tersebut, pemaju mahupun pihak berkaitan tidak sewenang-wenangnya meletak atau menaikkan harga rumah. "Trend ini (harga rumah) tidak akan berhenti. Kalau kita beranggapan untuk menunggu harga jatuh dan orang mampu membeli rumah, ini tidak akan berlaku. "Jika kita biarkan trend ini, sudah sampai masanya kerajaan menilai untuk menggubal akta bagi mengawal harga rumah. Sama seperti Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 yang dikuatkuasakan bagi melindungi rakyat ditipu penjual," katanya kepada Utusan Malaysia di sini baru-baru ini. Lebih mengecewakan, tambah beliau, apabila melihat golongan muda, baik yang sudah berkahwin atau belum, gagal untuk memiliki rumah mampu milik yang disediakan kerajaan.

Jelasnya, rakyat mula rasa terbeban dengan perkara itu hingga mendorong mereka melemparkan tohmahan tidak berasas kepada kerajaan. "Oleh itu, saya amat berharap agar menjelang pembentangan Bajet 2015 ini, kerajaan memberi keutamaan kepada harga rumah di seluruh negeri termasuk Sabah, khususnya mewujudkan akta yang bersesuaian,"katanya. Selain itu, beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bugaya berkata, peranan syarikat milik kerajaan (GLC) yang mengenakan kadar tinggi pada caj utiliti memaksa pemaju untuk meletakkan harga rumah yang mahal kepada pembeli. Menurutnya, kos caj utiliti yang dikenakan itu turut ditanggung oleh pembeli dan perkara tersebut akan membebaskan rakyat. Dalam perkembangan sama, beliau memberitahu, polisi pe-angkutan laut atau kabotaj perlu diperhalusi bagi membantu kumpulan perniagaan termasuk pemaju di negeri ini.

<http://www.utusan.com.my/berita/wilayah/sabah/gubal-akta-kawalan-harga-perumahan-1.10782>

## Mana penguatkuasaan Dasar Perumahan Negara?

OLEH AZMAN ANUAR AZMAN\_SELASIH@YAHOO.COM | 21 September 2014 1:01 AM

Minggu lalu saya menulis tentang 'Semakin susah memiliki rumah'. Dalam ruangan itu saya membayangkan bagaimana anak-anak Melayu dan bumiputera pada masa kini dan akan datang hendak memiliki rumah sendiri jika trend harga rumah sentiasa meningkat. Harga rumah lama di Lembah Klang sekarang kalau 25 tahun lalu berharga RM42,000 kini harganya daripada RM75,000 hingga RM115,000. Rumah teres tiga bilik yang dibeli 30 tahun lalu pada harga RM28,000 kini mencecah harga lebih RM260,000. Itu belum harga rumah teres dua tingkat.

Apakah anak-anak muda hanya layak untuk membeli rumah lama sahaja yang dijual oleh pemiliknya. Sekarang pun semakin banyak orang menjual rumahnya kerana nilai yang berganda-ganda daripada harga asal. Setakat ini kita hanya mendengar banyak keluhan pembeli, tapi langkah-langkah memudahkan untuk memiliki rumah belum menyeluruh.

Pembeli tidak boleh hanya mengharap Perumahan Rakyat 1 Malaysia (PR1MA) kerana mereka yang layak pun begitu ramai. Kalau golongan berpendapatan rendah dibela untuk membeli rumah, bagaimana golongan berpendapatan sederhana?

Saya menerima beberapa e-mel yang memberi maklum balas tentang isu pemilikan dan harga rumah ini. Mashuri Zainal minta saya lihat pada Dasar Perumahan Negara. Menurut Mashuri, telah ada dasar untuk meletakkan syarat pemaju membina rumah harga murah, sederhana murah dan harga sederhana dan harga mahal. Masalah yang berlaku sekarang yang kita lihat tidak banyak lagi projek perumahan berkos rendah disebabkan penguatkuasaan yang lemah.

Bukalah laman web Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan: [http://www.kpkt.gov.my/kpkt\\_2013/fileupload/dasar/DRN\\_BM.pdf](http://www.kpkt.gov.my/kpkt_2013/fileupload/dasar/DRN_BM.pdf) Syarat-syarat untuk memajukan sesebuah kawasan perumahan sudah disebutkan dalam Dasar Perumahan Negara itu. Itulah jawapannya. Sebagai contoh dahulu, disebutkan berkali-kali bahawa setiap pemaju projek perumahan mesti membina rumah harga murah dahulu baharulah projek mereka boleh diluluskan.

### **Tidak bina**

Contoh di Subang Jaya tempat Mashuri tinggal, yang mana katanya sekarang pemaju boleh beri seribu satu alasan untuk tidak bina rumah murah. Kementerian yang keluar dasar ini - apa yang mereka buat? Siapa yang mahu ambil peduli tentang isu harga rumah ini sekarang. Setelah beberapa tahun sahaja dasar itu tidak dikuatkuasakan maka sekarang baharu kita terasa akibatnya. Harga murah melambung tinggi. Rumah murah pula boleh dibilang jumlahnya. Kita sudah banyak merintih tapi oleh sebab tidak siapa yang ambil berat soal penguatkuasaan Dasar Perumahan Negara, maka hal ini akan berterusan. Percayalah...

E-mel daripada Rose83 pula melontarkan pendapat, jika begitu situasi sekarang rata-rata orang Melayu tidak mempunyai peluang memiliki hartanah yang tetap. Rose yang berasal dari Melaka memberitahu harga rumah di negeri itu sama seperti di negeri-negeri lain. Tidak banyak beza. Namun begitu, dia bersyukur dengan pendapatannya sekarang, dia mampu membeli rumah yang berharga RM300,000 ke atas.

"Saya mencari rumah dalam tempoh dua tahun ini dengan perasaan malu. Kenapa saya kata malu? Hal ini kerana kebanyakan pemaju di negeri bersejarah ini merupakan pemaju bukan berbangsa Melayu. Bagi mereka, anak-anak Melayu seperti saya tidak mampu membeli rumah yang berharga ratusan ribu ringgit.

"Boleh dikira di sini berapa banyak anak Melayu yang dapat membeli rumah berbanding bangsa bukan Melayu. Keadaan projek-projek perumahan yang berharga ratusan ribu hingga mencecah jutaan ringgit menyebabkan kawasan perumahan bakal didiami bangsa bukan Melayu. "Hanya

mereka sahaja yang mampu membeli harga rumah seperti itu. Bila projek perumahan dibina, akan ada rumah yang tanah hak milik kekal terbiar tanpa pembeli."

Kita mengharapkan apa yang sedang berlaku dalam negara ini diambil perhatian berat oleh mereka yang diberi amanah. Ambillah tindakan segera sebelum terlewat. Penutup kata daripada Rose: "Ini tanah air kita. Sekiranya harga rumah ini tidak dikawal melalui campur tangan pihak kerajaan pasti bangsa Melayu akan teraniaya di bumi sendiri."

<http://www.utusan.com.my/rencana/mana-penguatkuasaan-dasar-perumahan-negara-1.7566>

## **Penubuhan Bank Perumahan fardu kifayah**

09 September 2014 3:05 AM

KUALA LUMPUR 8 Sept. - Pertubuhan SukaGuam Malaysia (SukaGuam) mendesak kerajaan segera menubuhkan Bank Perumahan Rakyat Malaysia bagi mengatasi masalah harga rumah yang semakin tinggi dan hal-hal berkaitan masalah untuk membeli rumah.

Pengerusi SukaGuam, Datuk Khairul Anwar Rahmat (gambar) berkata, sudah sampai masanya kerajaan berbuat demikian kerana usaha itu termasuk dalam fardu kifayah untuk membantu terutama generasi akan datang yang semakin sukar memiliki rumah sendiri. "Ini selari dengan prinsip Islam yang menggariskan tiga keperluan asas manusia iaitu makanan, pakaian dan tempat tinggal. Bagaimanapun rakyat Malaysia tidak ada masalah dengan keperluan memperoleh makanan dan pakaian, tetapi keperluan memperoleh tempat kediaman yang sempurna masih lagi sangat diharapkan. "Sehubungan itu, SukaGuam menyambut baik saranan Menteri Besar Johor supaya kerajaan mewujudkan institusi kewangan yang menyediakan skim sewa beli bagi memudahkan rakyat membeli rumah," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Menurut Khairul Anwar, institusi kewangan yang mengendalikan pinjaman kewangan bagi rumah kediaman sewajarnya menawarkan skim sewa beli yang tidak mengenakan syarat terlalu ketat. Ini kerana katanya, rumah itu sendiri akan menjadi cagaran terbaik berbanding kaedah biasa perbankan yang menilai gaji atau pendapatan pemohon. "Kini sudah sampai masanya kerajaan menyediakan kemudahan pinjaman untuk rakyat memiliki rumah kerana bukan subsidi mereka harapkan tetapi satu skim pinjaman mudah yang mampu mereka tunaikan. "Ketika ini amat sukar sekali mendapatkan pinjaman perumahan terutama rumah kos sederhana atau rumah mampu milik dari bank komersial," katanya.

Bank Perumahan Rakyat jelasnya, adalah penyelesaian terbaik bagi menangani isu itu kerana akan menjadi satu institusi kewangan milik kerajaan yang tidak semata-mata mementingkan keuntungan komersial tetapi menjadikan agenda pemilikan rumah sebagai teras penubuhannya.

<http://www.utusan.com.my/berita/nasional/penubuhan-bank-perumahan-fardu-kifayah-1.3678>

## **Kaji had maksimum Skim Perumahan Belia**

27 November 2014 2:12 AM

KUALA LUMPUR 26 Nov. - Pergerakan Pemuda UMNO meminta kerajaan menurunkan had harga rumah yang ditawarkan menerusi Skim Perumahan Belia daripada RM500,000 ke bawah kepada RM170,000 ke bawah. Ketua Penerangannya, Jamawi Jaafar berkata, Pemuda bimbang kadar sedia ada menyebabkan pemaju perumahan mengambil ke-sempatan dengan membina rumah pada had harga maksimum iaitu RM500,000 yang disifatkan sebagai tidak mampu dimiliki oleh belia Melayu hari ini.

Katanya, berdasarkan perkiraan yang dibuat, belia Melayu memerlukan pendapatan sekurang-kurangnya RM8,000 ke atas sebulan bagi membolehkan mereka memiliki rumah berharga RM500,000 ke bawah. "Had maksimum yang ditetapkan sebanyak RM500,000 itu menjadikan skim ini bukan rumah mampu milik, ini rumah mampu tengok. "Kuota rumah di bawah skim ini hanya 200,000 unit, kami kawatir hanya 10 hingga 15 peratus belia Melayu yang mampu memiliki rumah di bawah skim ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mencadangkan usul ucapan dasar Ketua Pemuda UMNO, Khairy Jama-luddin pada Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda UMNO 2014 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini hari ini. Jamawi yang merupakan Ketua Pemuda UMNO Tenom turut meminta kerajaan menterjemahkan program Rumah Transit 1Malaysia ke negeri-negeri lain bagi membantu golongan muda.

Katanya, ramai anak muda di kawasan seperti Johor Bahru, Kuching serta Kota Kinabalu memerlukan rumah transit berkenaan dan berharap kerajaan memberi perhatian terhadap perkara tersebut. "Kami juga mencadangkan supaya jawatankuasa yang meneliti pembangunan bandar belia di kawasan pinggir bandar akan melibatkan exco Pemuda dan juga Ketua-Ketua Pemuda UMNO negeri. Perkara ini penting supaya kesan, isu serta pemilihan tempat, peserta dan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh kerajaan nanti menepati kehendak anak-anak muda," jelas beliau.

Dalam pada itu, Jamawi juga senada dengan Khairy supaya lebih banyak ruang serta peluang diberikan kepada golongan belia, sama ada di peringkat Parlimen, Kabinet atau setiausaha politik kepada menteri. "Di Parlimen, hari ini kita ada hanya lima ahli Parlimen yang berusia 40 tahun ke bawah, bagaimana kita mahu lawan dengan pihak di sebelah sana yang ada 18 wakil. Kita ingin bilangan ini ditambah," katanya.

<http://www.utusan.com.my/berita/politik/kaji-had-maksimum-skim-perumahan-belia-1.29710>

## **BSN, KWSP sedia kemudahan skim perumahan belia**

11 Oktober 2014 2:31 AM

KUALA LUMPUR 10 Okt. - Bank Simpanan Nasional (BSN) dilantik sebagai institusi kewangan utama untuk menguruskan Skim Perumahan Belia yang diumumkan pada pembentangan Bajet 2015 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Naib Presiden dan Ketua Jabatan Strategik Korporat BSN, Kameel Abdul Halim berkata, pihaknya akan bekerjasama dengan badan-badan berkaitan seperti Cagamas Berhad (Cagamas) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk memastikan segala perancangan dilaksanakan dengan cekap. "Kami akan memastikan kerjasama BSN dengan badan-badan berkaitan ini menjadikan segala perancangan berjalan dengan lancar," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Skim Perumahan Belia merupakan perkongsian pintar antara kerajaan, BSN, Cagamas dan KWSP yang dijangka dilaksanakan pada awal tahun depan. Ia menawarkan pemilikan rumah pertama bernilai tidak melebihi RM500,000 kepada belia berumur antara 25 hingga 40 tahun yang sudah berkahwin dengan pendapatan isi rumah tidak melebihi RM10,000. Menerusi skim itu, tempoh pembiayaan maksimum tidak melebihi 35 tahun.

Kerajaan juga akan menyediakan peruntukan RM200 sebulan selama dua tahun pertama bagi mengurangkan beban ansuran bulanan pinjaman perumahan tersebut. Malah, mereka turut menikmati pengecualian sebanyak 50 peratus duti setem ke atas surat cara pindah milik dan perjanjian pinjaman. Sementara itu, Ketua Pasaran Modal dan Ekonomi KWSP, Nurhisham Hussein berkata, pencarum boleh mengeluarkan simpanan mereka dalam Akaun 2 bagi kemudahan pembelian rumah bagi memudahkan pembelian rumah di bawah inisiatif Skim Perumahan Belia.

Bagaimanapun, katanya, mekanisme pelaksanaan pengeluaran simpanan itu akan diumumkan dalam masa terdekat. "Dengan kemudahan itu kelak, pencarum boleh memohon sama ada untuk mengeluarkan simpanan bagi mengurangkan atau menebus semua pinjaman perumahan bagi baki pinjaman perumahan yang telah dibuat atau menggunakan sepenuhnya untuk bayaran ansuran bulanan," katanya.

<http://www.utusan.com.my/berita/nasional/bsn-kwsp-sedia-kemudahan-skim-perumahan-belia-1.12455>

## **Kerajaan disaran kaji semula Dasar Perumahan Negara**

08 Oktober 2014 1:51 AM

KUALA LUMPUR 7 Okt. - Kerajaan disaran mengkaji semula Dasar Perumahan Negara dalam pembentangan Bajet 2015 akan datang, bagi membantu rakyat berpendapatan rendah dan sederhana memiliki rumah sendiri. Bekas Dekan Fakulti Alam Bina Universiti Malaya (UM), Prof. Madya Dr. Sr. Noor Rosly Hanif berkata, antara perubahan yang perlu dilakukan ialah menghadkan pemaju hanya boleh membina rumah kategori mewah, sebagai contoh berharga RM1 juta ke atas, selain menentukan lokasi khusus untuk pemilikan hartanah oleh warga asing.

Beliau turut mencadangkan supaya kerajaan mengambil tanggungjawab membina rumah kos rendah dan mampu milik untuk rakyat berpendapatan rendah dan sederhana yang dilaporkan masih ramai tidak memiliki rumah sendiri. Selain itu katanya, pihak institusi kewangan diminta mengkaji semula sistem panel penilai dalam menilai hartanah, supaya ia dilakukan dengan lebih telus dan tidak membebankan pembeli. "Kerajaan harus melihat perumahan satu keperluan bukan lagi sebagai komoditi (yang boleh didagangkan secara bebas). Keperluan asas rakyat ini harus dikawal sepenuhnya," katanya kepada Utusan Malaysia baru-baru ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas senario sektor hartanah tempatan khususnya perumahan yang dijangka mengalami kenaikan pada masa hadapan antara lain berikutan pelaksanaan cukai barangan dan perkhidmatan (GST), sehingga membimbangkan banyak pihak. Mengulas lanjut, Noor Rosly berkata, spekulasi atau manipulasi harga hartanah khususnya rumah kos rendah dan mampu milik, tidak akan berlaku sekiranya kerajaan mengambil tanggungjawab penuh menyediakan keperluan asas rakyat itu.

Beliau mengambil contoh Singapura di mana rumah mampu milik atau kos rendah dibina oleh kerajaan, manakala pemaju hanya dibenarkan membina rumah kos mewah, seterusnya mengelak manipulasi harga oleh spekulator atau broker hartanah. Selain itu kata beliau, kegagalan rakyat berpendapatan rendah dan sederhana membeli rumah antara lain disebabkan peranan broker atau spekulator.

Katanya, keadaan semakin mendesak apabila ejen penilai yang dilantik oleh bank tidak bersikap natural dalam membuat penilaian, menyebabkan nilai sesuatu hartanah meningkat berbanding nilai sebenar. Mengenai pemilikan oleh warga asing, Noor Rosly berkata, perkara itu perlu diteliti semula dengan mengehadkan pemilikan hanya di kawasan tertentu. "Selain itu, jumlah pemilikan dan nilai hartanah yang boleh dibeli juga wajar diteliti semula, bagi menjamin kepentingan rakyat tempatan," katanya.

<http://www.utusan.com.my/bisnes/ekonomi/kerajaan-disaran-kaji-semula-dasar-perumahan-negara-1.4680>

### **Skim pinjaman perumahan khas bagi golongan muda**

09 Oktober 2014 2:31 AM

KUALA LUMPUR 8 Okt. - Kerajaan disaran mempertimbangkan untuk mewujudkan satu skim pinjaman khas dalam Bajet 2015 bagi membantu golongan muda berpendapatan rendah dan sederhana memiliki kediaman sendiri.

Ketua Pemuda UMNO Kedah, Datuk Shaiful Hazizy Zainol Abidin berkata, satu mekanisme khas perlu dilaksanakan bagi membantu orang muda dengan pendapatan bawah RM1,500 untuk memiliki rumah tanpa dibebani oleh kadar faedah yang tinggi. "Di samping itu, kerajaan perlu mempercepatkan pembinaan Rumah Mesra Rakyat (RMR) seperti yang dijanjikan pada Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13) yang lalu. Pelaksanaan itu perlu disertai dengan skim pinjaman berpakej bagi memastikan golongan muda dengan gaji bulanan bawah RM1,500 mampu memiliki rumah setaraf dengan pendapatan mereka," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Shaiful Hazizy turut mencadangkan supaya kerajaan merangka lebih banyak program bagi memperkasa pendidikan vokasional agar golongan yang tercicir dalam pendidikan awal dan institusi pengajian tinggi (IPT) berpeluang untuk mendapatkan pekerjaan. Katanya, usaha itu juga berupaya melahirkan lebih ramai usahawan muda berkemahiran tinggi dan berkemampuan untuk memulakan perniagaan sendiri. "Bagi membantu golongan usahawan muda, Pemuda UMNO Kedah mencadangkan Majlis Amanah Rakyat (Mara) diberi peruntukan Khas seperti mana yang diberikan



kepada Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional. Selain itu, kerajaan perlu terus beri tumpuan terhadap pembangunan pendidikan luar bandar," katanya.

Pada masa sama, beliau berharap kerajaan Pusat dapat meluluskan dana bagi membiayai kos pembinaan lapangan terbang antarabangsa di Kulim agar ekonomi negeri Kedah dapat dipertingkatkan. "Dengan wujudnya lapangan terbang di daerah Kulim, aktiviti di Taman Industri Teknologi di situ dapat dirancakkan lagi," tambahnya.

Dalam pada itu, Shaiful Hazizy turut mengemukakan beberapa cadangan lain untuk dibentangkan pada Bajet 2015 termasuk menghapuskan faedah atau kos pentadbiran Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), melaksanakan pelepasan cukai bagi pembelian kereta pertama, pengecualian cukai import ke atas barangan berasaskan makanan dan memperkenalkan kad diskaun pengangkutan awam.

Sementara itu, Ketua Pemuda UMNO Johor, Hahasrin Hashim menggesa kerajaan mendahulukan perkara asas rakyat dalam mencari penyelesaian kos sara hidup yang semakin meningkat, terutamanya berkaitan kebajikan golongan miskin, rumah mampu milik, kemudahan pengangkutan dan masalah kenaikan harga barang. "Pelaksanaan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) yang bersifat 'sekali beri' tidak menyelesaikan masalah kos sara hidup rakyat. Program sosial yang komprehensif dan penyediaan akses kepada kesihatan, pendidikan dan pekerjaan adalah satu alternatif lain yang perlu dipertimbangkan untuk menagani permasalahan ini," katanya. Beliau berkata, kerajaan juga boleh mengambil alternatif lain dalam membantu rakyat untuk menangani kos sara hidup yang meningkat dengan mengurangkan cukai-cukai dengan meneliti semula golongan aling terkesan dengan rasionalisasi penarikan subsidi.

<http://www.utusan.com.my/berita/nasional/skim-pinjaman-perumahan-khas-bagi-golongan-muda-1.12079>

## **Segerakan bank perumahan, banyakkkan rumah mampu milik**

OLEH ROZAMAN ISMAIL | 20 September 2014 3:27 AM

Isu perumahan rakyat adalah isu yang tidak berkesudahan. Sampai bila-bilapun isu ini tidak akan selesai. Ramai mengeluh, bekerja sudah berpuluh tahun tapi masih tidak berupaya memiliki rumah sendiri. Harga rumah pula, meningkat bagai tidak boleh ditahan-tahan lagi. Dari sehari ke sehari harga rumah mencanak-canak naik.

Kalau dulu, kumpulan berpendapatan rendah dan sederhana paling perit. Sekarang mereka yang berpendapatan 'kelas pertengahan' pun turut terasa. Golongan ini pun sudah mula mengeluh melihat kepada harga rumah semasa. Dulu mereka merintih sukarnya membeli rumah di bandar-bandar besar kerana faktor harga. Sekarang orang sudah tidak bercakap pasal mencari rumah di kawasan bandar lagi kerana majoritinya tidak mampu. Hanya orang kaya dan super kaya sahaja yang boleh membeli rumah di situ. Masalahnya harga rumah di bandar kecil, pinggir bandar dan luar bandar pun sama naik harganya.

Walaupun sudah ada macam-macam program dan skim diperkenalkan oleh kerajaan untuk membantu kumpulan ini memiliki rumah sendiri, masalah tidak juga selesai. Banyak sungguh kekangan yang terpaksa dihadapi para pembeli terutama dalam soal-soal mendapatkan pinjaman perumahan. Kerenah birokrasi bank atau institusi kewangan jangan kiralah.

Sekarang kalau setakat gaji RM3,000 atau RM4,000 jangan mimpilah boleh dapat pinjaman dengan mudah. Itu kalau kerja seorang. Kalaupun digabung slip gaji suami dan isteri pun belum tentu bank boleh luluskan. Tambah lagi kalau dalam slip gaji tu ada macam-macam potongan, kereta, pinjaman peribadi, pinjaman koperasi, insurans, potongan skim ansuran mudah perabot dan lain-lain, lagilah bank bagi macam-macam alasan. Memanglah kerajaan ada perkenalkan pelbagai skim harga rumah berpatutan dengan harapan lebih ramai dapat memiliki rumah sendiri. Masalahnya apabila tiba di kaunter bank, pembeli berhadapan dengan macam-macam syarat dan peraturan yang menyukarkan. Sebahagiannya tidak masuk akal.

Banyak pihak menggesa kerajaan memperkenalkan kembali skim sewa beli rumah menerusi satu bank atau institusi kewangan khas. Bank-bank komersil yang ada sekarang dilihat tidak banyak membantu dua kumpulan ini dalam soal memiliki rumah sendiri. Mereka 'tidak mesra' dengan kategori berpendapatan rendah dan sederhana.

Pengumuman Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abdul Rahman Dahlan bahawa kerajaan bercadang menubuhkan sebuah bank perumahan khusus bagi membantu memudahkan kumpulan sedemikian memiliki rumah sendiri amat dinanti-nantikan. Menurut Abdul Rahman, penubuhan bank seumpama itu adalah salah satu mekanisme baharu kerajaan bagi membantu mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana memperoleh pinjaman bank. Cadangan itu dibuat selepas pihak kementerian mendapat banyak maklum balas dan rungutan daripada orang ramai bagaimana sukarnya mendapatkan pinjaman perumahan dari bank komersial.

Rungutan sedemikian bukan baharu, sudah lama berlarutan dan sampai sekarang tidak juga ada penyelesaian. Kumpulan berkenaan terpaksa mengharungi prosedur merimaskan setiap kali membuat permohonan. Bank-bank komersil tidak yakin dengan golongan ini. Mereka pula tidak tahu ke mana mahu mengadu. Kesudahannya mereka tinggal menyewa dan tidak mampu memiliki rumah sendiri sehingga ke akhir hayat. Gesaan dan desakan yang sama juga pernah dibuat oleh persatuan-persatuan pengguna dan pertubuhan bukan kerajaan yang prihatin dengan isu ini. Namun syor tinggal sekadar syor sahaja.

Harap-harapnya cadangan ini dimasukkan dalam Bajet 2015 yang akan dibentangkan tidak lama lagi. Jika diluluskan nanti, bank perumahan ini sudah pasti memberi harapan baru kepada mereka yang teringin memiliki rumah sendiri. Syarat-syarat yang dikenakan biarlah lebih bertimbang rasa, mesra peminjam dan tidak menyusahkan.

Tidak ada maknanya kalau bank atau institusi kewangan yang diperkenalkan nanti masih mengekalkan syarat-syarat dan peraturan ketat seperti mana bank-bank komersil lain. Bank perumahan mesti membawa slogan 'memudahkan bukan menyusahkan.' Memudahkan bukan sahaja pada syarat dan peraturan, tetapi bank itu wujud di setiap negeri. Pada masa yang sama pemaju-pemaju perumahan swasta pula janganlah 'liat' untuk menyiapkan kuota rumah mampu milik masing-masing. Selama ini nampak sangat mereka tidak berminat dengan rumah jenis itu.

Hanya kerajaan Pusat dan kerajaan negeri sahaja yang nampak bersungguh memperkenalkan pelbagai program rumah mampu milik.

Rumah sedemikian biasanya dibina pada hujung-hujung projek hampir siap. Banyak pemaju hanya memulakannya bila ditegur atau diberi amaran. Maklumlah rumah ini tidak memberi untung dibandingkan dengan kondominium, rumah teres, rumah berkembar atau banglo. Dalam hal ini kerajaan jangan bertolak ansur. Kerajaan kena bertegas dengan pemaju-pemaju yang sengaja melengah-lengahkan pembinaan rumah jenis tersebut. Memanglah rumah kos rendah dan sederhana tidak menguntungkan tetapi syarat itu perlu dipenuhi. Pemaju pula anggaplah itu sebahagian daripada tanggungjawab sosial bagi membantu golongan yang memerlukan.

Pembinaan rumah mampu milik mesti selari dengan kemudahan pinjaman yang disediakan. Janganlah nanti peminjam terpaksa menunggu lagi. Jika dulu menunggu pinjaman diluluskan, sekarang menunggu bila projek baru bakal dimulakan. Apa guna jika pinjaman sudah dipermudahkan tetapi bilangan rumah sedemikian amat terhad. Matlamat penubuhan bank perumahan itu sendiri akan gagal jika keadaan ini berlaku. Biarlah kewujudan bank perumahan nanti `membantu' dalam erti kata `membantu' yang sebenar-benarnya.

<http://www.utusan.com.my/rencana/segerakan-bank-perumahan-banyakkan-rumah-mampu-milik-1.6123>

### **Bahagian Pinjaman Perumahan jadi badan berkanun**

09 September 2014 2:59 AM

PUTRAJAYA 8 Sept. - Kerajaan bercadang menjadikan Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan sebagai sebuah badan berkanun bagi membolehkan sistem pengurusan yang lebih sistematik dapat dihasilkan.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Ahmad Maslan (gambar) berkata, cadangan penubuhan badan berkanun tersebut tertakluk kepada syarat Skim Pinjaman Perumahan dengan mengekalkan faedah sedia ada yang dinikmati penjawat awam. "Pada masa ini, Bahagian Pinjaman Perumahan dengan perunding yang dilantik bagi proses pemerbadanan itu sedang menyediakan rang undang-undang penubuhan badan berkanun tersebut dan Skim Saraan Baharu untuk kakitangannya. "Perbincangan dijangka diadakan dengan Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) apabila rang undang-undang itu diluluskan," katanya yang mengulas bantahan CUEPACS mengenai pemansuhan Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan tersebut. Sebelum itu, Ahmad mengadakan mesyuarat tertutup bersama wakil Pergerakan Pemuda UMNO dan Suara Anak Muda 1Malaysia mengenai input Bajet 2015 di sini hari ini.

Semalam, media melaporkan ura-ura Kementerian Kewangan mempertimbangkan cadangan memansuhkan satu jabatan di bawahnya untuk digantikan dengan sebuah syarikat milik kerajaan (GLC) atau institusi kewangan bagi menguruskan pinjaman perumahan penjawat awam. Dalam pada itu, Ahmad berkata, kenyataan CUEPACS berhubung pemansuhan bahagian di kementerian tersebut adalah tidak tepat. Beliau menegaskan, kerajaan memberi jaminan pengurusan pinjaman perumahan di bawah badan berkanun tersebut tidak akan merugikan penjawat awam.

<http://www.utusan.com.my/berita/nasional/bahagian-pinjaman-perumahan-jadi-badan-berkanun-1.3647>

### **Bank perumahan mampu bantu rakyat - NGO**

09 September 2014 3:06 AM

KUALA LUMPUR 8 Sept. - Kerajaan wajar mengkaji dan mempertimbangkan cadangan Kerajaan Negeri Johor supaya mewujudkan semula bank yang menyediakan skim sewa beli perumahan bagi memudahkan rakyat memiliki kediaman sendiri.

Presiden Persatuan Perlindungan Pengguna Malaysia (PPPM), Datuk Mohd. Firdaus Abdullah berkata, walaupun pelbagai inisiatif telah dilaksanakan kerajaan bagi membolehkan rakyat memiliki kediaman sendiri, cadangan mewujudkan semula bank itu dilihat lebih berkesan dalam membantu rakyat dari segi kemudahan pinjaman. "Dulu kerajaan ada buat bank seperti ini, namun mungkin kurang pelaksanaan menyebabkan manfaatnya tidak dapat dinikmati sepenuhnya oleh rakyat. "Oleh itu, jika mahu sistem sewa beli ini berkesan, bank yang diwujudkan nanti perlu dikendalikan kementerian berkaitan agar rakyat tidak berdepan masalah birokrasi terutama apabila melibatkan pinjaman," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Sementara itu, Ketua Aktivis Persatuan Pengguna Islam Malaysia, Datuk Nadzim Johan berkata, pelaksanaan mewujudkan bank tersebut harus diteliti sedalam-dalamnya kerana tiada guna mempunyai sebuah bank seumpama itu jika menyukarkan orang ramai untuk membuat pinjaman. Tambahnya, seharusnya juga bank yang ditubuhkan itu tidak seperti bank komersial lain yang terlalu ketat syaratnya. "Cadangan Datuk Seri (Mohamed Khaled) memang bagus dan saya pasti itu adalah kehendak rakyat, namun saya berharap kerajaan dapat memperkasakan pelaksanaannya. "Pelaksanaan itu termasuk memudahkan permohonan pinjaman selain faedah yang bersesuaian agar rakyat tidak terbeban," jelasnya.

<http://www.utusan.com.my/berita/nasional/bank-perumahan-mampu-bantu-rakyat-ngo-1.3728>

### **Wakil Puteri Johor gesa kerajaan tubuh Bank Perumahan**

26 November 2014 5:52 PM

KUALA LUMPUR 26 Nov. - Puteri UMNO Johor menggesa kerajaan menubuhkan sebuah Bank Perumahan bagi membantu golongan wanita muda berpendapatan rendah dan sederhana memiliki kediaman sendiri.

Ketua Puteri Bahagian Ayer Hitam, Nuriyati Md Ithnin berkata, bank seumpama itu perlu diwujudkan kerana golongan itu perlu diberi keutamaan dan dipermudahkan urusan memiliki rumah. Katanya, wanita muda berkerjaya tidak seharusnya menjadi golongan yang hanya mampu melihat dan tidak mampu membeli projek-projek perumahan. "Maka Pergerakan Puteri UMNO Johor amat bersetuju dengan langkah kerajaan memperbanyakkan projek-projek perumahan kos rendah dan mampu

milik," katanya ketika membahaskan usul ekonomi pada Perhimpunan Agung Puteri Umno sempena Perhimpunan Agung Umno 2014 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Beliau berkata, Puteri Johor juga menggesa Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) memainkan peranan lebih aktif membina rumah mampu milik di bandar kerana ia adalah antara matlamat penubuhan agensi kerajaan itu. Puteri UMNO juga menggesa kerajaan menubuhkan Institut Pertanian Wanita Kebangsaan untuk melahirkan graduan berkemahiran dalam bidang pertanian bagi meningkatkan bilangan usahawan tani wanita. - BERNAMA

<http://www.utusan.com.my/bisnes/ekonomi/wakil-puteri-johor-gesa-kerajaan-tubuh-bank-perumahan-1.29396>

### **Isu perumahan di Pulau Pinang tagih perhatian pucuk pimpinan tertinggi**

27 November 2014 2:12 AM

KUALA LUMPUR 26 Nov. – Pucuk pimpinan tertinggi UMNO diminta memberi perhatian khusus kepada isu perumahan di Pulau Pinang yang tidak mampu dimiliki golongan bumiputera khususnya orang Melayu. Wakil Pemuda UMNO Pulau Pinang, Rafizal Abd. Rahim berkata, situasi semasa menunjukkan orang Melayu mula berhijrah dari bahagian pulau ke Seberang Perai kerana harga rumah yang melambung tinggi. “Kerajaan DAP Pulau Pinang di bawah pentadbiran Ketua Menteri, Lim Guan Eng selama ini hanya bersandiwara mengenai pembinaan projek perumahan mampu milik sedangkan hakikatnya tiada satu unit rumah mampu milik pun dibina sehingga kini. “Bila ada saja pembangunan komersial dan perumahan di Pulau Pinang, orang Melayu secara senyap diusir dan terpaksa berhijrah ke Seberang Perai, malah ada yang ke Sungai Petani dan Kulim, Kedah. Lama-lama orang Melayu pun hilang di bahagian pulau,” katanya.

Beliau berucap menyokong usul ucapan dasar Ketua Pemuda UMNO sempena Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda UMNO, di sini hari ini. Rafizal yang juga Ketua Pemuda UMNO Bahagian Bukit Bendera berkata, berdasarkan data yang diperolehnya, kerajaan negeri juga sedikit demi sedikit telah menjual tanah-tanah milik rakyat seluas 460 hektar dengan nilai sebanyak RM641 juta. Selain itu katanya, kerajaan negeri turut memajak 1,160 hektar tanah dengan bayaran premium sebanyak RM361 juta. “Kami di Pulau Pinang cukup beruntung mempunyai ketua menteri yang juga seorang broker cukup hebat dalam menjual tanah-tanah warisan nenek moyang kami. “Lebih mengejutkan, mengikut angka yang dikeluarkan oleh Laporan Ketua Audit Negara, sejak mereka memerintah negeri itu pada 2008, perbelanjaan mengurus negeri telah meningkat tiga kali ganda,” kata sinis.

<http://www.utusan.com.my/berita/politik/isu-perumahan-di-pulau-pinang-tagih-perhatian-pucuk-pimpinan-tertinggi-1.29714>

## **Pemuda Titiwangsa desak kerajaan tumpu perumahan golongan muda**

11 Ogos 2014 2:02 AM

KUALA LUMPUR 10 Ogos - Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Titiwangsa mendesak kerajaan agar memberi tumpuan terhadap isu perumahan yang dihadapi golongan muda di bandar kerana di samping berdepan dengan kos sara hidup tinggi, mereka juga tidak mampu memiliki rumah sendiri ekoran harganya terlalu mahal.

Ketuanya, Nazir Hussin Akhtar Hussin berkata, pihaknya merasakan pembangunan di Kampung Baru di sini yang bakal diusahakan oleh UDA Holdings Berhad untuk membina perumahan bernilai lebih RM400,000 seunit perlu dikaji semula kerana tidak mencerminkan usaha kerajaan dan parti kepada golongan muda berpendapatan rendah. "Pemuda UMNO Titiwangsa bukan berhasrat untuk menentang kemajuan dan dilabel anti-pembangunan tetapi biarlah apa juga bentuk pembangunan yang direncanakan di Titiwangsa dapat kita sama-sama nikmati. "Kita tidak mahu hanya menjadi penonton pembangunan di depan mata kerana lama-kelamaan kita akan terpinggir dengan sendirinya," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Dalam pada itu, beliau memohon kerajaan supaya meningkatkan peruntukan kepada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk membina perumahan mampu milik bagi generasi muda. Menurut Nazir Hussin, agensi-agensi yang diberi projek membina perumahan juga disarankan agar melihat kemampuan kewangan masyarakat tempatan terlebih dahulu kerana kebanyakannya masih tidak memiliki rumah sendiri. "Biarlah keutamaan pemilikan rumah-rumah mampu milik ini diberikan untuk warga Titiwangsa dahulu khususnya golongan muda yang berpendapatan rendah. Ini kerana sokongan golongan muda dalam memberi kemenangan kepada Barisan Nasional memimpin negara dan Titiwangsa adalah amat diperlukan," jelas beliau.

Pihaknya juga mahu golongan muda di bahagian itu bijak mengambil peluang perniagaan yang disediakan kerajaan untuk meningkatkan taraf ekonomi masing-masing. "Hari ini, dunia telah jauh berubah, kita tidak boleh hanya sekadar menunggu peluang terhidang, menunggu tangan menyuap nasi ke mulut kita, biarlah kita mempunyai pancing untuk kita boleh mengail mencari rezeki. Suka atau tidak kita perlu harunginya. "Saya bersama barisan kepimpinan Pemuda UMNO Titiwangsa akan terus berusaha membantu dengan apa yang termampu, memberi khidmat terbaik demi kesejahteraan kita bersama. Harapan kami, biarlah pembangunan yang dibawa mendahulukan masyarakat tempatan bagi memastikan sokongan mereka untuk terus bersama Barisan Nasional," katanya.

<http://www.utusan.com.my/berita/politik/pemuda-titiwangsa-desak-kerajaan-tumpu-perumahan-golongan-muda-1.691>